

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## BANK ISLAM TERIMA 108,936 PERMOHONAN MELALUI PAKEJ BANTUAN PEMBAYARAN PEMULIH

**KUALA LUMPUR, Ahad, [11 Julai 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") sedang membantu 108,936 akaun dengan jumlah pembiayaan tertunggak sebanyak hampir RM12.63 bilion di bawah Pakej Bantuan Pembayaran PEMULIH ("BPP") sejak pelaksanaannya pada 7 Julai 2021. Jumlah ini melibatkan seramai 108,846 pelanggan individu dengan jumlah pembiayaan tertunggak sebanyak RM12.6 bilion, dan 90 permohonan daripada pelanggan Perusahaan Mikro dan Perusahaan Kecil & Sederhana ("PKS") yang melibatkan hampir RM29.43 juta.

Sebagai sokongan kepada pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi ("PEMULIH") yang dilancarkan kerajaan, BPP menawarkan pilihan moratorium selama enam (6) bulan atau pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama enam (6) bulan kepada pelanggan yang layak. Permohonan dibuka kepada pelanggan daripada segmen B40, M40 atau T20 serta Perusahaan Mikro dan PKS yang terjejas akibat pandemik semasa. Permohonan untuk BPP masih dibuka kepada pelanggan.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata "Kami mengalukan langkah yang diambil Bank Negara Malaysia ("BNM") dan industri perbankan Islam dalam menangani impak COVID-19 terhadap kelangsungan hidup rakyat. Bantuan pembayaran ini memberikan kelonggaran kepada komitmen kewangan pelanggan buat sementara waktu dan memberi ruang agar mereka dapat menyemak semula kedudukan kewangan masing-masing. Bank sentiasa proaktif untuk berurusan dengan pelanggan untuk mengenal pasti keperluan mereka serta menyediakan sokongan diperlukan bagi membantu mereka membuat keputusan bermaklumat yang bersesuaian dengan keadaan semasa."

Selain BPP, Bank Islam turut menawarkan program Penjadualan dan Penstrukturran yang bersesuaian dengan kehendak pelanggan bagi pelan bayaran berpatutan. Di samping itu, MPKS yang layak juga dapat menikmati Pembiayaan Pelancongan PENJANA ("PTF") untuk pelanggan dalam sektor pelancongan; dan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan

Bersasar (“TRRF”) untuk pelanggan dalam sektor perkhidmatan. Baru-baru ini, Bank telah melancarkan Kemudahan Automasi dan Digitalisasi (“ADF”) untuk PKS yang memerlukan insentif untuk mengautomasi proses dan pendigitalan operasi supaya perniagaan yang dimiliki lebih cekap.

Bank Islam turut menawarkan Program BIC-i Balance Conversion (“BBC”) untuk pemegang kad kredit yang memerlukan sokongan kewangan sementara. Ahli Kad Kredit-i Bank Islam yang layak boleh menukar amaun prinsipal untuk baki penyata tertunggak kepada pelan ansuran di bawah kemudahan pembiayaan bertempoh pada kadar keuntungan efektif 13% setahun untuk tempoh 36 bulan.

Mengulangi kenyataan BNM, Bank memberi jaminan kepada pelanggan bahawa rekod dalam laporan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (“CCRIS”) mereka tidak akan terjejas sekiranya memilih untuk mendapatkan bantuan bayaran.

Mohd Muazzam menambah, “Bank mengakui bahawa pandemik ini memberi kesan berbeza kepada setiap pelanggan kami. Tambahan lagi, perintah kawalan pergerakan yang berpanjangan akan turut menjelaskan aktiviti ekonomi. Sebagai Bank yang Mendahului Kemakmuran untuk Semua, kami komited untuk menyokong daya tahan pelanggan dalam menguruskan komitmen kewangan mereka terutamanya dalam tempoh tidak menentu ini. Bank Islam turut menggesa pelanggan yang memerlukan sokongan untuk menghubungi kami dan menyatakan pilihan bantuan yang diperlukan. Jangan bimbang, kakitangan Bank Islam amat dedikasi dan bersedia menjawab persoalan anda pada bila-bila masa.”

Pelanggan boleh memohon melalui saluran-saluran berikut:

Kategori	Saluran permohonan
Individu	<ul style="list-style-type: none"><li>Lengkapkan e-borang yang terdapat di <a href="https://vao.bankislam.com.my/ppb/">https://vao.bankislam.com.my/ppb/</a></li></ul>
Perusahaan Mikro dan PKS	<ul style="list-style-type: none"><li>Sila hubungi Pengurus Perhubungan; atau</li><li>Penyerahan di Hub SME atau cawangan; atau</li><li>Emel <a href="mailto:sme-assist@bankislam.com.my">sme-assist@bankislam.com.my</a></li></ul>

Pemegang Kad Kredit-i Bank Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) <b>YESPBANRIC</b> ke <b>66300</b>; atau</li> <li>• Lengkapkan e-borang di <a href="https://vao.bankislam.com.my/BC/">https://vao.bankislam.com.my/BC/</a>; atau</li> <li>• Muat turun <b>Bank Islam Credit Card-i Balance Conversion Programme Application Form</b> di laman web korporat Bank Islam dan hantar borang lengkap melalui emel ke <a href="mailto:bicc.customer.service@bankislam.com.my">bicc.customer.service@bankislam.com.my</a></li> </ul>
----------------------------------	---

Bank memberi jaminan bahawa tiada dokumen diperlukan dan kelulusan adalah automatik untuk pelanggan yang layak.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900 atau [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my).

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	<b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>
---	---